

'Sekaligus meningkatkan keyakinan'
, terhadap pakar - pakar tempatan'

PEMBEDAHAN PM: APA KATA DOKTOR₂ KITA

12 FEB

KUALA LUMPUR 11 Feb. — **Persatuan Doktor - Doktor Perubatan Malaysia (MMA) dan pelbagai pihak menyifatkan kesediaan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menjalani pembedahan pintasan koronari di Hospital Besar di sini baru-baru ini sebagai satu penghormatan yang amat tinggi terhadap kemampuan pakar perubatan tempatan.**

Satu tinjauan Mingguan Malaysia hari ini merumuskan bahawa ia dengan sekaligus meningkatkan keyakinan orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan pakar tempatan dan "membuka mata" negara

luar terhadap kemampuan pakar-pakar tempatan.

Bekas Naib Canselor Besar Kuala Lumpur Universiti Malaya, kira-kira jam 1.00 pagi Prof. Diraja Ungku Aziz pula berpenda- mengadu sakit dada. Menteri itu akan dibedah pada 24 Januari dan dibenarkan keluar hospital pada 5 Februari lalu.

Dekan Fakulti Perubatan Universiti Ma-

Sambil mengucapkan syabas kepada Datuk Sri Dr. Mahathir kerana yakin terhadap pakar - pakar tempatan Ungku Aziz berkata, kejayaan pembedahan itu juga adalah satu tanda yang negara sudah maju dalam bidang perubatan.

Presiden MMA, Dr. Syed Mahmmod Syed Hussin ketika ditemui di pejabatnya untuk mengulas langkah Perdana Menteri itu menyatakan bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir adalah satu contoh terbaik yang perlu diakui oleh semua pihak.

Katanya, tidak ada sebab kenapa rakyat Malaysia harus meragui kemampuan anak-anak watan.

'Kami (MMA) menyanjung tinggi langkah positif yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri dan ini secara tidak langsung "membuka mata" terhadap negara luar bahawa Malaysia juga tidak kekurangan pakar-pakar berkebolehan," kata Dr. Syed Mahmmod.

Perdana Menteri. dimasukkan ke Hospital

Perdana Menteri. dimasukkan ke Hospital

LIHAT MUKA 12

Pembedahan PM: Apa kata doktor kita

laya, **Profesor Madya Dr. Anuar Zaini Mohd. Zain** berkata, tindakan **Perdana Menteri** itu adalah sangat baik dan memberangsangkan.

"Kita mempunyai pakar yang tidak kurang kebolehan jika dibandingkan dengan pakar-pakar luar negeri. Oieh itu sepatutnya ialah para pemimpin sendiri menunjukkan tauhidan yang baik dengan mendapatkan perkhidmatan tempatan," ujanya.

Katanya, dari segi kepakaran, memang sudah ada di negara ini, tetapi apa yang mungkin menjadi masalah ialah jumlahnya yang masih berkurangan.

Pakar sakit puan, di sebuah klinik persendirian di Jaian Ampang, **Dr. Mohammad Fadzil Man** berkata, kejayaan yang dibuktikan oleh pakar-pakar pembedahan yang merawat Datuk Sri Dr. Mahathir meletakkan taraf mereka setanding dengan pakar-pakar luar negeri apabila diberi kesempatan.

"Langkah yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri membuktikan kepada semua bahawa kita mampu meahirkan pakar-pakar yang bertaraf tinggi.

Seorang lagi doktor dari sebuah klinik di ibu kota, **Dr. Mariam Ahmad, 40**, menyarankan agar tindakan yang dilakukan oleh Perdana Menteri itu akan "membuka mata" segelintir pemimpin lain yang lebih gemar mendapatkan rawatan di luar negeri walaupun pakar-pakar tempatan berkemampuan melakukannya.

"Saya fikir bidang perubatan negara ini sudah memasuki era baru yang perlu dititikberatkan oleh pihak kerajaan dan juga pakar-pakar klinik persendirian," jejasnya.

Dr. Dzulkhaini Haji Hussein dari klinik di Jaian Ampang turut menyuarakan kesainya terhadap goiongan berada yang lebih gemar mendapatkan rawatan di luar negeri sedangkan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sendiri yakin dengan kemampuan doktor dan pakar tempatan.

"Sikap demikian memang harus dikesai dan adalah diharapkan dengan tindakan positif yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri itu akan memberi kesedaran yang mendaiam di kalangan goiongan berkenaan," katanya.

Dr. Hassan Mohammad dari sebuah klinik di pusat membeli-belah Ampang pula berpendapat, sebenarnya kepakaran doktor-doktor tempatan adalah lebih maju jika dibandingkan

dengan pakar-pakar di luar negeri dan pembedahan yang dijalani oleh Perdana Menteri itu menguatkan lagi hakikat tersebut.

"Masalahnya sekarang ialah kita lebih percaya para doktor dari luar negeri walaupun terpaksa berbeiania lebih banyak dan mengabaikan kemampuan anak-anak tempatan," ujarnya.

Presiden CUEPACS, **Encik A. Ragunathn** pula menyifatkan tindakan itu sebagai sesuatu yang teiah menaikkan imej bidang perubatan di samping meyakinkan orang ramai terhadap keboiehan pakar-pakar tempatan.

"Tindakan Perdana Menteri ini selaras dengan konsep kepimpinan melalui tauladan yang diperkenalkannya sendiri," katanya.

Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), **Encik Mohd. Hamdan Adnan** berha-

rap, lebih ramai pemimpin negara yang akan menggunakan perkhidmatan pakar-pakar tempatan setelah Perdana Menteri seiamat menjalani pembedahan.

"Langkah begini juga akan mengurangkan perbeianjaan mendapatkan perkhidmatan di luar negeri, seperti mana yang iazimnya diiakukan oleh ramai 'pemimpin,' katanya.

Seorang akauntan, **Encik Tana Palan** pula bangga dengan sikap Perdana Menteri yang teiah mempertingkatkan martabat bidang perubatan tanahair dan berharap ia dapat menangkis segala sangkaan buruk yang mungkin timbul.

Kakitangan Edaran Otomobii Nasional (EON) **Encik Aziz Samad** pula berkata, tauhidan yang ditunjukkan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir harus menjadi renungan semua pihak supaya lebih mementingkan pakar-pakar tempatan.

Ahii perniagaan dari Jepun, **Encik Sakai Y. tyrut** kagum dengan kesanggupan Perdana Menteri menjalani pembedahan

di daiam negeri.

Katanya, selama ini, beiaiau hanya mendengar tentang kepakaran sakit mata di negara ini, tetapi dengan kejayaan pembedahan yang dijaiani oleh Datuk Sri Dr. Mahathir akan mengharumkan lagi nama Malaysia.

"Saya rasa Malaysia sudah maju daiam bidang perubatan walaupun masih banyak yang perlu dipelajari," katanya.

Peniaga dan penggubah bunga, **Cik Annie Wong, 23**, berpendapat, kejayaan pakar tempatan itu membuka ruang kepada semakin ramai anak tempatan menunjukkan keboiehan masing-masing.

Tidak guna kerajaan meiatih anak-anak tempatan di luar negeri jika masyarakat tempatan termasuk pemimpin tidak memberi kesempatan kepada mereka," tanyanya.

Seorang peniaga **Encik Ponny Paiian** pula berkata, jika Perdana Menteri sanggup menjaiani pembedahan di dalam negeri, tidak ada sebab kenapa orang lain tidak melakukan tindakan yang sama.